

Buletin MOPNA

Kata-kata Aluan Presiden



Hj. Mohd Damanhuri Bin Mohd Jamli
(Presiden MOPNA)

Menjelang akhir tahun 2024, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua ahli Persatuan Pengusaha Semaian Sawit Malaysia atas pencapaian kita sepanjang tempoh penubuhan persatuan ini. Hari ini, dengan lebih daripada 120 ahli, kita berjaya membina sebuah komuniti yang kukuh, bersatu, dan komited terhadap pembangunan industri nurseri sawit di Malaysia.

Sebagai salah satu tonggak penting dalam sektor sawit negara, industri nurseri memainkan peranan kritikal dalam memastikan pengeluaran bahan tanaman berkualiti tinggi. Namun, kita tidak dapat menafikan cabaran besar yang dihadapi, termasuk perubahan iklim, turun naik harga sawit, dan keperluan untuk mengadaptasi teknologi moden. Walaupun begitu, melalui kerjasama erat antara ahli, pihak kerajaan, dan sektor swasta, kita terus memperkukuhkan asas industri ini dengan semangat inovasi dan keazaman.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menyokong usaha persatuan ini. Semoga usaha kita diberkati dan terus memberi impak positif kepada negara dan industri.

Sidang Penerbit

PENASIHAT

Hj. Damanhuri Mohd. Jamli

PENGERUSI

Tan Kim Tun

TIMBALAN PENERUSI

Hj. Nor Zahari bin Zakaria

KETUA PENYUNTING


Tan Kel Vin

SETIAUSAHA

Izza Hasniza binti Abdul Rahim



CARTA ORGANISASI AHLI JAWATANKUASA MOPNA 2024-2025





Mesyuarat Agung Tahunan MOPNA 2024 & Hari Nurseri FGVASSB

MOPNA telah berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-17 pada 24 April 2024 di Le Grandeur Palm Resort Johor. Acara ini dihadiri oleh para pengusaha semeian sawit dari seluruh Malaysia, wakil-wakil badan berkanun, ahli-ahli industri serta beberapa syarikat yang sentiasa memberi sokongan penuh kepada industri sawit di Malaysia

Perbincangan Strategik dan Perlantikan Ahli Jawatankuasa Baru

Dalam AGM ini, para peserta telah berbincang mengenai pelbagai isu penting yang mempengaruhi industri sawit, termasuk:

- Peningkatan Produktiviti: Membincangkan penggunaan teknologi dan produk terkini untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti benih sawit.
- Pengembangan Pasaran: Membincangkan strategi pemasaran untuk meningkatkan permintaan terhadap produk-produk sawit Malaysia.
- Mesyuarat Agung: Perlantikan ahli jawatankuasa baru untuk tahun 2024-2025.

Hari Nurseri FGV Agri Services Sdn Bhd : Melihat Masa Depan

Pada 25 April 2024, MOPNA dengan kerjasama FGV Agri Services Sdn. Bhd. mengadakan Hari Nurseri di Tapak Semaian FGVPK Kulai Johor. Acara ini memberikan peluang kepada para peserta untuk:

- Melihat Proses Penanaman: Mengamati secara langsung proses penanaman, penjagaan, dan pemindahan benih sawit.
- Berkongsi Ilmu: Mendapatkan pengetahuan terkini mengenai teknologi dan teknik penanaman yang terbaik.
- Membina Jaringan: Berhubung dengan pengusaha semeian lain dan menjalinkan kerjasama.

Matlamat dan Manfaat

Melalui AGM dan Hari Nurseri, MOPNA bertujuan untuk:

- Meningkatkan Kualiti Benih: Memastikan benih sawit yang dihasilkan berkualiti tinggi dan tahan penyakit.
- Memperkukuh Industri: Membina rantaian industri semeian sawit yang kuat dan berdaya saing.
- Melindungi Alam Sekitar: Menggalakkan amalan pertanian yang mesra alam.

Dengan kerjasama semua pihak, industri sawit Malaysia dapat terus berkembang maju dan memberikan sumbangan positif kepada ekonomi negara. MOPNA juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak FGV Agri Services Sdn Bhd atas sokongan berterusan mereka dalam menjayakan kedua-dua acara ini.



Sesi Dialog dengan MPOB Mengenai Penggunaan SIMS

Pada 1 Julai 2024, satu sesi dialog penting diadakan atas dorongan MOPNA di antara MOPNA, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), dan wakil-wakil pengeluar biji benih (FGVASB dan AARSB) mengenai penggunaan Sistem Pengurusan Pintar Sawit (SIMS) untuk tujuan rekod stok harian.

Perkara-perkara utama yang dibincangkan:

- Relevansi penggunaan SIMS: Semua yang hadir bersetuju bahawa penggunaan SIMS secara menyeluruh untuk pengeluaran benih, ejen jualan benih, dan pengusaha tapak semaian tidak begitu sesuai dengan operasi harian mereka.
- Ketidakesesuaian data input SIMS: Data-data yang perlu diisi ke dalam portal SIMS lebih sesuai untuk pihak lain dalam rantai bekalan sawit (no. loji, no. tangki, dll).
 - Cadangan pengecualian : Oleh itu, semua yang hadir bersetuju untuk mencadangkan agar pengusaha benih, ejen jualan benih, dan pengusaha tapak semaian dikecualikan daripada penggunaan SIMS.

Keputusan Akhir:

Selepas perbincangan yang panjang, akhirnya dipersetujui bahawa:

- Pengeluar benih, ejen jualan benih, dan pengusaha tapak semaian tidak perlu menggunakan SIMS.

Keputusan ini adalah berita baik untuk industri benih sawit. Dengan keputusan ini, kita berharap:

- Kerja akan menjadi lebih cekap: Pengusaha benih boleh fokus pada kerja utama mereka tanpa perlu risau tentang SIMS.
- Perniagaan akan terus berkembang: Keputusan ini akan membantu pengusaha benih, terutamanya yang berskala kecil, untuk terus menjalankan perniagaan.

Langkah Seterusnya:

MOPNA akan terus memantau perkembangan penggunaan SIMS dan membantu ahli-ahli mereka. Selain itu, MOPNA juga akan bekerjasama dengan MPOB dan pihak lain untuk memastikan keputusan ini dilaksanakan dengan lancar.



Lawatan AJK MOPNA ke Projek Mekanisasi Pengisian Tanah Polibeg di Tapak Semaian Compact Commodity Sdn Bhd, Yong Peng, Johor



MOPNA Kunjungi Inovasi Mesin Pengisi Tanah Polibeg

Yong Peng, Johor – Pada 8 Ogos 2024, Ahli Jawatankuasa (MOPNA) telah melakukan kunjungan ke Tapak Semaian Compact Commodity Sdn Bhd di Yong Peng, Johor. Tujuan kunjungan ini adalah untuk melihat dari dekat inovasi mesin mekanisasi pengisi tanah polibeg yang dicipta oleh En. Zawawi, yang juga merupakan pemilik tapak semaian tersebut.

Semasa lawatan ini, En. Zawawi telah berkongsi ilmu dan pengalamannya dalam membangunkan mesin ini. Beliau menerangkan dengan terperinci bagaimana mesin ini dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam proses mengisi tanah ke dalam polibeg. Selain itu, En. Zawawi juga berkongsi cabaran yang dihadapinya semasa proses pembangunan dan bagaimana beliau berjaya mengatasinya. "Mesin ini bukan sahaja menjimatkan masa dan tenaga kerja, tetapi juga memastikan keseragaman isi padu tanah dalam setiap polibeg," ujar En. Zawawi. "Ini penting untuk memastikan pertumbuhan benih yang sihat dan seragam."

Para ahli jawatankuasa MOPNA amat berterima kasih atas kesudian En. Zawawi berkongsi ilmu dan pengalaman. Inovasi mesin ini merupakan satu langkah maju ke arah pemodenan industri semaian sawit di Malaysia. Diharapkan perkongsian ini dapat menjadi inspirasi kepada pengusaha semaian lain untuk terus berinovasi dan meningkatkan kualiti produk mereka.





Lawatan Kerja YB Dato Chan Foong Hin serta Sesi Perbincangan dengan MOPNA di Tapak Semaian TK Tani Enterprise Sdn. Bhd.

YB Dato Chan Foong Hin: Peranan Penting MOPNA dan Nurseri Dalam Industri Sawit Malaysia

Pada 27 November 2024, Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi, YB Datuk Chan Foong Hin, mengadakan lawatan ke Nurseri TK Tani Enterprise Sdn Bhd di Asahan, Melaka. Lawatan ini menonjolkan kepentingan nurseri sawit serta peranan strategik Persatuan Pengusaha Semaian Sawit Malaysia (MOPNA) dalam menyokong industri sawit negara.

YB teruja melihat pengurusan tapak semaian yang rapi serta pematuan prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Encik Tan Kim Tun, Timbalan Presiden MOPNA, bersama Tuan Haji Mohd Damanhuri, Presiden MOPNA, memberi penerangan tentang proses pembesaran anak benih sawit. Dari penaburan baja rembesan terkawal hingga kawalan penyakit dan perosak, setiap langkah memastikan anak benih berkualiti tinggi sebelum dihantar kepada pelanggan.

Dalam perbincangan dengan YB Dato Chan, MOPNA menekankan cabaran yang dihadapi ahli-ahlinya, khususnya isu kekurangan tenaga buruh. Kekangan ini memberi kesan besar kepada pengurusan nurseri dan keseluruhan rantai bekalan sawit. Mereka memohon kementerian membantu memenuhi kuota tenaga buruh yang diperlukan bagi menjamin kelangsungan operasi semaian sawit ahli-ahli MOPNA.

YB Dato Chan menyuarakan kementeriannya akan bekerjasama rapat dengan MOPNA untuk menghadapi masalah ini. Komitmen ini menunjukkan perhatian kerajaan terhadap keperluan industri sawit, yang merupakan penyumbang utama ekonomi negara.

Lawatan ini diakhiri dengan jamuan ringan dan sesi bergambar, mencerminkan hubungan erat antara kerajaan, MOPNA, dan pemain industri sawit. Peranan MOPNA sebagai pemangkin sektor sawit terus diiktiraf dan diperkukuhkan melalui kerjasama ini.

MOPNA juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada wakil-wakil daripada Bayer, FGVASSB dan Smart Fert Sdn. Bhd. yang turut hadir pada hari tersebut untuk bersama-sama menjayakan lawatan ini.

